



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN  
PERINGKAT YB MENTERI WILAYAH  
PERSEKUTUAN BERSAMA WARGA  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DAN AGENSI BIL. 1/2020**

**17 JANUARI 2020 (JUMAAT) / 9.30 PAGI**

**DEWAN SERBAGUNA  
MENARA SERI WILAYAH,  
ARAS 1, BLOK 1,  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh dan Salam sejahtera

(Salutasi)

## PENDAHULUAN

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya juga, kita dapat bersama-sama hadir pada hari ini dalam Majlis Perhimpunan Bulanan saya yang pertama bagi tahun 2020 ini bersama warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi.
  
2. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua kerana dapat melapangkan masa

untuk hadir pada pagi ini. Saya dapat merasakan semangat positif daripada iltizam anda semua yang berada di dewan ini. Oleh itu saya berharap agar kita semua dapat berganding bahu untuk terus bekerjasama memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat dan juga negara. Tahniah, semoga semangat (*spirit*) ini dapat terus dikekalkan sepanjang tahun 2020, malah terus dapat dikekalkan pada tahun-tahun yang akan datang.

3. Meraikan tahun baharu 2020 ini perlu memberi satu permulaan bagi kita dalam membuat resolusi supaya negara khususnya bagi Wilayah Persekutuan dapat mencapai kemajuan dan tidak lagi dipandang rendah oleh orang lain.

Rancangan telah diadakan serta pendekatan juga sudah dicipta. Justeru itu, saya cuma berharap agar semua pihak dalam Kementerian dan Agensi dapat memberi sepenuh tumpuan terhadap perancangan dan pembangunan yang telah dan akan dirancang sepanjang tahun 2020 ini.

4. Sepertimana yang sering ditekankan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita semua, iaitu jentera pentadbiran dan perkhidmatan awam Negara, menggalas tanggungjawab yang besar untuk melaksanakan peranan dan amanah yang diberi dengan sebaik mungkin.

5. Sesuai dengan permulaan tahun baharu, penghayatan budaya dan disiplin kerja yang tinggi seharusnya menjadi matlamat dan tunjang kita semua, bersama-sama melakar kejayaan dalam melunaskan tanggungjawab kita kepada rakyat dan Negara dengan sebaik mungkin.

6. Kita mesti ikhlas dalam menjalankan amanah. Elakkan dari amalan yang tidak baik seperti rasuah kerana ini semua akan menyekat kepada pembangunan negara dan kejayaan Kementerian dan Agensi kita.

7. Selain itu, rakyat juga akan berterima kasih sekiranya kita berusaha untuk memenuhi kehendak mereka. Saya yakin, sekiranya ini pegangan kita, Insya-Allah

kejayaan demi kejayaan akan dapat kita lakarkan bersama.

## **IMBASAN KEJAYAAN-KEJAYAAN KWP SEPANJANG 2019**

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. 2019 telah melabuh tirainya, kita telah dapat menyaksikan pelbagai pencapaian Kementerian Wilayah Persekutuan merangkumi Wilayah Bersih, Keselamatan Awam, Pengangkutan Awam Efisien, Sosio Ekonomi Mampan, Persekutaran Hijau, dan Komuniti Inklusif yang bertepatan dengan resolusi '**Inisiatif Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi**'. Keenam-enam teras ini dilaksanakan melalui program '**Inisiatif Wilayah Peduli**' yang telah mencerminkan

komitmen serta iltizam KWP dalam usaha meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan seperti yang di paparkan di video kejayaan KWP dan Agensi sebentar tadi.

9. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga Kementerian dan Agensi atas komitmen dan kerjasama yang baik dalam memastikan KWP terus cemerlang dan gemilang. Kejayaan ini diharap dapat dijadikan pemangkin semangat kepada semua warga KWP untuk berusaha dengan lebih gigih dan konsisten demi kecemerlangan Kementerian pada tahun mendatang. Insya-Allah.

# **WAY FORWARD KWP DAN AGENSI BAGI TAHUN 2020**

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Tahun 2020 adalah tahun yang sangat sibuk untuk kita. Tahun ini kita akan menyambut ramai tetamu asing yang datang untuk menyertai pelbagai program antarabangsa di negara kita khasnya di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Labuan.

11. Tahun 2020 adalah tahun Melawat Malaysia. Pelbagai program dirancang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan sempena tahun melawat Malaysia ini. Kita menjangka jutaan pelawat asing akan masuk ke negara kita tahun ini.

12. Pada April nanti, kita akan melancarkan Kuala Lumpur World Book Capital (KLWBC) apabila bandaraya kita dipilih oleh Unesco sebagai kota buku dunia. Ini adalah satu penganugerahan besar kepada Kuala Lumpur yang perlu kita raikan dan gunakannya untuk kepentingan rakyat di Kuala Lumpur. Saya meminta semua jabatan dan agensi di bawah kementerian memainkan peranan masing-masing untuk menjayakan KLWBC agar ia memberikan manfaat maksima kepada budaya membaca dan pendidikan untuk anak-anak kita.

13. Bagi membolehkan ianya diuruskan secara sempurna DBKL telah melantik sebuah syarikat event management untuk

menguruskan KLWBC. Kita bukan tidak percaya kepada kakitangan DBKL atau lain-lain agensi yang menguruskan KLWBC selama ini tetapi kita perlukan tumpuan sepenuh masa, bukan parti time, untuk melaksanakan program besar bertaraf dunia ini.

14. Selepas KLWBC, di hujung tahun ini kita akan menyambut delegasi dari seluruh dunia pula yang akan menyertai persidangan APEC 2020 di mana Kuala Lumpur atau Putrajaya akan menjadi tuan rumahnya. Program ini bakal menghimpun pemimpin dunia di bandaraya kita.

15. Sehubungan dengan itu, saya mahu semua pihak di bawah kementerian

memberikan tumpuan untuk mempersiapkan bandaraya kita ke arah itu. Kebersihan dan keindahan hendaklah menjadi keutamaan kita. Biarlah mereka pulang nanti dengan kenangan indah dan cerita positif tentang bandaraya kita serta mahu datang lagi selepas ini.

16. Di peringkat DBKL, saya telah meminta pihak Datuk Bandar memperuntukkan RM10 juta untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada orang ramai dari tukang sapu dan tukang kebun sehinggalah ke pegawai gred 41. Selain memberikan peluang pekerjaan, kita perlukan tenaga tambahan untuk mempersiapkan bandaraya kita untuk menyambut tetamu kita dari luar.

17. Untuk mempastikan keindahan dan kebersihan pula, saya telah meminta DBKL menyediakan bajet RM50 juta kontraktor G1 di Kuala Lumpur. Selain memberikan kontraktor kecil ini peluang kerja, kita mahu keindahan dan kebersihan menjadi sasaran utama kita bagi menyambut tetamu yang akan datang itu.

18. Saya juga mahu taman-taman kita diuruskan dengan baik. Selepas kita berbelanja ratusan juta untuk membina taman-taman ini, kita perlu mengurus dan menjaganya dengan baik pula. Saya berharap DBKL dan Lanskap Negara memainkan peranan untuk tujuan ini.

19. Saya juga berharap, agensi dan jabatan dibawah kita juga memainkan peranan masing-masing bagi memenuhi harapan ini. Saya juga memohon semua kakitangan awam memberikan sepenuh kerjasama untuk menjaga nama baik negara kepada mata dunia.

20. Pada tahun 2020 ini, Kementerian Wilayah Persekutuan akan memberi penumpuan dalam inisiatif **Memperkasa Miskin Bandar, Membina Wilayah Gemilang.**

21. Pada 5 Disember lepas, kita telah menganjurkan Seminar Membasmi Kemiskinan Bandar dengan kerjasama NGO. 16 kertas kerja telah dibentang oleh pelbagai

pihak dari jabatan kerajaan, NGO, akademik dan tokoh masyarakat. Saya yakin banyak dapatan telah diperolehi dari seminar ini. Sebagaimana resolusi seminar, dalam masa 6 ke 9 bulan dari sekarang kita akan melahirkan satu Master Plan atau Pelan Induk Bagi Menangani Miskin Bandar ini.

22. Saya berharap kementerian memainkan peranan besar dalam menjayakan inisiatif ini. Tanpa bantuan dan usaha kerajaan saya yakin nasib orang miskin atau lebih tepat lagi Orang Susah ini tidak akan terbela.

23. Mulai 15 Januari 2020 kita telah memulakan inisitif kita untuk menubuhkan Pusat Kajian Strategik kita sendiri apabila 4

pegawai penyelidik mula dilantik oleh DBKL. Terima kasih kepada DBKL. Saya berharap pusat ini akan membantu kita menjalankan tugas sebagai kerajaan untuk membela nasib rakyat terutama orang susah.

24. Tugas pertama pusat kajian ini adalah memberikan fokus kepada Miskin Bandar yang telah kita seminarkan. Saya berharap kementerian dan DBKL terus memberikan kerjasama sehingga Pusat Kajian ini dapat tertubuh dengan baik dan menjalankan peranannya.

25. Pihak Kementerian amat prihatin terhadap pembangunan pemilikan rumah di Wilayah Persekutuan bagi golongan miskin bandar, kumpulan B40 dan belia

terutamanya yang belum memiliki rumah kediaman. Kementerian akan memperkenal program **Rumah Harapan** yang menawarkan harga kediamaan berharga RM150,000.00 ke bawah kepada warga Wilayah Persekutuan dan memberi peluang kepada rakyat Wilayah untuk memiliki rumah kediaman sendiri.

26. Ketiadaan ruang tempat letak kereta atau parkir yang mencukupi khususnya di Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam sudah berlarutan sejak berpuluhan tahun lalu. Pada tahun ini kita akan meniliti perancangan dalam menangani masalah parkir melalui **Pengurusan Parkir yang lebih efisyen** bagi menjamin kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

# **PROGRAM SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020**

Tuan-tuan dan puan-puan,

27. Tahun ini kita akan menyambut Hari Wilayah Persekutuan buat kali yang ke-16 dengan mengekalkan Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun lalu untuk “Sayangi Wilayahku.” Ia seiring dengan usaha integrasi nasional dan kesejahteraan yang akan menjadi penggerak utama agenda memperkasakan perpaduan dalam kalangan lapisan masyarakat majmuk, terutamanya di Wilayah Persekutuan.

28. Kementerian dan Agensi akan menjayakan sebanyak 29 program sempena

Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 sepanjang bulan Februari ini. Oleh itu, adalah diharapkan semua warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi dapat sama-sama menyumbang usaha agar kita dapat menjayakan kesemua program yang dirancang ini dengan baik dan berkesan khususnya dalam mencapai kemakmuran Bersama. Jagalah kesihatan dan stamina anda semua kerana kita perlu *all-out!* Peringatan ini saya kongsikan untuk semua warga Kementerian dan juga agensi, termasuk diri saya juga.

## **AMANAT DAN HARAPAN**

Tuan-tuan dan puan-puan, warga KWP dan Agensi yang saya hormati sekalian,

29. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua warga kerja Kementerian dan Agensi agar terus bekerja dengan penuh komited serta berintegriti, berdisiplin, sentiasa mengamalkan semangat kerjasama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, berusaha mengekalkan keharmonian sepanjang masa, setia dan patuh kepada kementerian serta bersedia memberikan perkhidmatan yang terbaik.

30. Saya menaruh keyakinan yang tinggi bahawa Kementerian ini akan mampu menjadi sebuah Kementerian cemerlang sekiranya setiap warganya memberikan sokongan dan khidmat cemerlang yang tidak

berbelah bahagi kepada organisasi ini. Semoga pada tahun 2020 kita akan terus tingkatkan perkhidmatan dengan lebih baik dan cemerlang. Insya-Allah dengan sokongan saudara saudari, KWP akan terus unggul dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, terutamanya warga Wilayah Persekutuan.

## **PENUTUP**

31. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang menjayakan Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi pada pagi ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang hadir dan bersama-sama kita semua merealisasikan sasaran ini bagi membuktikan Kementerian Wilayah

Persekutuan dan Agensi dapat mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Wabillahi

Taufik

Walhidayah

Wassalamu'alaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.